

SIARAN MEDIA

28 SEPTEMBER 2012

EKUINAS PERKEMBANG PORTFOLIO MINYAK DAN GAS MENERUSI PELABURAN DI DALAM SYARIKAT OMNI PETROMARITIME

Fakta Utama: -

- Ekuinas laksana pelaburan bernilai RM220.9 juta di dalam syarikat OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI), sebuah syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) Bumiputera yang menyediakan perkhidmatan kepada industri carigali minyak dan gas (O&G) di Malaysia dan luar negara.
- Pelaburan di dalam syarikat OMNI menyaksikan Ekuinas meluaskan portfolio OSVnya susulan pembelian syarikat Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) baru-baru ini, dan sekaligus mengukuhkan peluang Ekuinas untuk meraih manfaat daripada pasaran OSV yang dijangka berkembang pesat hasil peningkatan aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) domestik dan antarabangsa.
- Di samping membantu proses penggabungan (“consolidation”) yang diperlukan dalam industri OSV tempatan, kedua-dua pelaburan ini juga menyediakan platform untuk Ekuinas mewujudkan salah sebuah kumpulan OSV yang terbesar di Malaysia dengan portfolio kapal sebanyak 28 buah serta hasil pendapatan bergabung melebihi RM245 juta.

KUALA LUMPUR, (28 September 2012): Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan pelaburan bernilai RM220.9 juta di dalam syarikat OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI/Syarikat), yang merupakan sebuah syarikat kapal sokongan luar pesisir (OSV) Malaysia yang sedang pesat berkembang.

Menurut pengumuman tersebut, Ekuinas telah memperolehi 82.5% ekuiti OMNI pada nilai RM150.9 juta dan menyuntik modal tambahan ke dalam Syarikat sebanyak RM70 juta untuk menebus liabiliti pinjaman serta membiayai rancangan pengembangan OMNI di masa hadapan.

OMNI, yang ditubuhkan pada tahun 2006, kini merupakan di antara sepuluh syarikat perkapalan terbesar di Malaysia dengan portfolio 12 buah kapal milik sendiri dan diurus, termasuk Kapal Tunda Kendalian Sauh (AHT) dan Kapal Tunda Kendalian Sauh dan Bekalan (AHTS). Dengan

Ekuiti Nasional Berhad 868265 U

Level 13 Surian Tower No 1 Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47810 Petaling Jaya Selangor DE Malaysia

T: + 60 3 7710 7171 F: + 60 3 7710 7173

www.ekuinas.com.my

portfolio kapal antara yang terbesar dan terbaru di Malaysia, OMNI mempunyai rekod prestasi pertumbuhan yang mantap dengan pencapaian peningkatan pendapatan dari RM23 juta pada tahun 2008 kepada lebih RM104 juta pada tahun 2011 dan keuntungan bersih dari RM8 juta kepada RM20 juta bagi tempoh yang sama.

OMNI juga bukan sahaja aktif di pasaran tempatan tetapi telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Vietnam dan Timur Tengah, menerusi penyediaan perkhidmatannya kepada pelanggan korporat terkenal seperti PETRONAS, Maersk Oil Qatar, Saudi Aramco dan Petrovietnam.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira berpeluang untuk membuat pelaburan di dalam syarikat OMNI, sebuah syarikat OSV Malaysia yang terbukti berdaya saing dan memiliki rekod prestasi mantap dalam menjaga pertumbuhan pendapatan dan perolehan. Pelaburan ini berupaya membantu Ekuinas meraih manfaat daripada jangkaan pertumbuhan kukuh industri OSV, hasil daripada peningkatan aktiviti carigali dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas domestik dan juga antarabangsa."

Industri OSV tempatan dijangka akan mengalami pertumbuhan tinggi berikutan pengumuman rancangan perbelanjaan modal berskala besar aktiviti E&P di Malaysia yang dianggarkan sebanyak RM300 bilion bagi tahun 2011 hingga 2015. Namun salah satu cabaran industri OSV tempatan adalah ia masih dibanjiri syarikat-syarikat bersaiz kecil dengan 70% dianggarkan terdiri daripada syarikat yang memiliki kurang daripada 10 buah kapal.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad menjelaskan, "Pelaburan di dalam syarikat OMNI memperluaskan lagi portfolio pelaburan Ekuinas di dalam industri OSV, selepas pelaburan kami di dalam syarikat Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS). Dengan kedua-dua syarikat ini, Ekuinas mempunyai platform yang sesuai bagi merealisasikan misi untuk mewujudkan salah sebuah kumpulan OSV milik Bumiputera yang terbesar di Malaysia dengan gabungan portfolio 28 buah kapal dan pendapatan yang melebihi RM245 juta."

"Kedua-dua pelaburan ini memberi peluang kepada Ekuinas untuk memainkan peranan dalam menggalakkan penggabungan syarikat-syarikat berskala kecil dan sederhana di dalam industri minyak dan gas Malaysia. Ia juga sekaligus menjadi landasan untuk Ekuinas mewujudkan

sebuah kumpulan OSV yang lebih besar dan mempunyai modal yang mencukupi untuk berkembang maju, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melihat lebih banyak syarikat O&G Malaysia yang mampu berdaya saing di persada antarabangsa,” tambah beliau lagi.

Pada penghujung Julai lalu, Ekuinas menerusi subsidiarinya Kota Bayu Ekuiti Bhd (KBE), telah menyempurnakan pembelian TKS berikutan proses penstrukturan komprehensif kumpulan Tanjung Offshore Berhad yang melibatkan proses pemisahan perniagaan perkhidmatan kapal marin yang beroperasi di bawah TKS. Selaras dengan pelaksanaan tawaran jualan Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Islam (RCPS-i) KBE kepada para pemegang saham Tanjung Offshore Berhad, Ekuinas kini memiliki 76% ekuiti efektif di dalam KBE dengan nilai pelaburan sebanyak RM190.6 juta.

Ekuinas akan bergabung tenaga dengan kumpulan pengurusan kanan OMNI yang diterajui oleh pengasas bersama dan Pengarah Urusan Kumpulan iaitu Dr Jamal Yusof, yang kekal memiliki kepentingan minoriti penting di dalam syarikat, untuk meningkatkan lagi operasi perniagaan dan nilai pemegang saham OMNI menerusi pengembangan portfolio kapal dan peluasan perniagaan di peringkat serantau.

Pelaburan di dalam syarikat OMNI adalah pelaburan ke-empat Ekuinas bagi tahun 2012 dan yang kedua dilaksanakan di bawah dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang mempunyai peruntukan sebanyak RM1 bilion. Ekuinas kini mempunyai 12 syarikat di dalam portfolio pelaburan langsungnya dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM1.6 bilion, termasuk dana yang telah dilaburkan sepenuhnya di bawah Ekuinas Direct (Tranche I) Fund. Bersama dengan modal swasta rakan pelabur, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal ekonomi melebihi RM2.1 bilion ke dalam ekonomi negara.

###

MENGENAI EKUINAS

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama,

Ekuiti Nasional Berhad 868265 U

Level 13 Surian Tower No 1 Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47810 Petaling Jaya Selangor DE Malaysia

T: + 60 3 7710 7171 F: + 60 3 7710 7173

www.ekuinas.com.my

berkesan dan berkekalan. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

MENGENAI OMNI PETROMARITIME SDN BHD

Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2006 dengan pemilikan sebuah kapal sokongan luar pesisir dan pada hari ini syarikat menyediakan pengkhususan di dalam perkhidmatan logistik dan perkhidmatan berkaitan minyak dan gas kepada syarikat-syarikat gergasi dalam industri. Syarikat komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap, pantas dan boleh dipercayai kepada semua klien terkemuka di seluruh dunia di samping mengekalkan reputasi syarikat yang sentiasa mematuhi standard keselamatan tertinggi di seluruh armada, yang juga merupakan antara armada terbesar di dalam negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai OMNI, sila layari www.omni-malaysia.com.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5217